

## PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Ogos / Sept.

2010

1 ¼ jam



## JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

## PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

---

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

- 1 Manakah pernyataan berikut menunjukkan tujuan simpan kira?
- A Merekod urus niaga dalam dua akaun yang berbeza.
  - B Menyediakan maklumat mengenai penghutang dan pemiutang
  - C Mengelas, merekod, mentafsir, melapor dan menganalisis kewangan
  - D Merekod urus niaga secara tepat dan sistematik berasaskan sistem catatan bergu
- 2 Pernyataan di bawah menunjukkan ciri-ciri sebuah perniagaan.
- Liabiliti pemilik terhad
  - Bilangan ahli 2 – 50 orang
  - Saham tidak disenaraikan di Bursa Saham
  - Penyata kewangan tidak perlu didedahkan kepada orang ramai

Manakah perniagaan yang menepati ciri-ciri di atas?

- A Manan Berhad
  - B Manan Trading
  - C Manan Sdn. Bhd.
  - D Manan dan Co Trading
- 3 Pernyataan di bawah berkaitan dengan satu konsep perakaunan.

Insurans perlu diselaraskan dengan insurans terdahulu untuk satu tempoh perakaunan sebelum dipindahkan ke Akaun Untung Rugi

Nyatakan konsep perakaunan tersebut.


- A Berterusan
- B Pemadanan
- C Kos sejarah
- D Tempoh perakaunan

4 Berikut adalah dua jenis perniagaan.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pasar Mini Jaya</li> <li>• Bengkel Motor Salim</li> </ul> |
|--|

Manakah yang **benar** bagi kedua-dua jenis perniagaan di atas?

- A Diuruskan oleh rakan kongsi  
 B Dikawal oleh Lembaga Pengarah  
 C Liabiliti perniagaan adalah terhad  
 D Tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan
- 5 Rajah berikut adalah sebahagian daripada proses kitaran perakaunan.



Apakah butiran X ?

- A Lejar  
 B Pelarasan  
 C Dokumen Sumber  
 D Penyata Kewangan
- 6 Manakah pengelasan akaun yang betul?

	Akaun Nyata	Akaun Nominal
A	Premis	Alatan pejabat
B	Bank	Penghutang
C	Belian	Insurans
D	Perabot	Gaji

[Lihat halaman sebelah  
 SULIT

- 7 Apakah kesan pemilik membawa masuk perabot bernilai RM180 dari rumahnya untuk kegunaan perniagaan ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Perabot +RM180	-	Modal +RM180
B	Perabot +RM180	Pemiutang +RM180	-
C	Perabot +RM180	-	Ambilan +RM180
D	Perabot - RM180	Pemiutang - RM180	-

- 8 Dokumen berikut diterima oleh Cik Habsah seorang kerani akaun.

<p><b>MEMO</b>  <b>Kedai Buku Soon Heng</b>            Tarikh : 1 Mac 2010</p> <p>Peringatan :            Pemilik telah mengambil 3 dozen pen yang bernilai RM15 untuk didermakan kepada anak-anak yatim.</p> <p style="text-align: right;"><i>S Heng</i>            Pengurus</p>
---

- Apakah catatan dalam Jurnal Am?

	Butir	Debit(RM)	Kredit(RM)
A	Ambilan Alat Tulis	15	15
B	Derma Belian	15	15
C	Alat Tulis Ambilan	15	15
D	Belian Derma	15	15

- 9 Berikut ialah dialog antara seorang peniaga dengan pekerjaanya.

Johan	: Siti, invois yang kita keluarkan kepada Kedai Hatta telah terlebih caj, sila betulkan kesilapan itu.
Siti	: Baiklah, tuan.

Apakah dokumen yang perlu dihantar kepada Kedai Hatta ?

- A Memo
  - B Invois
  - C Nota Debit
  - D Nota Kredit
- 10 Manakah urus niaga berikut dicatatkan dalam Jurnal Am ?
- I Membayar insurans kediaman dengan wang perniagaan
  - II Membayar yuran sekolah anak dengan wang perniagaan
  - III Membeliengkapan secara kredit untuk kegunaan perniagaan
  - IV Membawa masuk sebuah kenderaan untuk kegunaan perniagaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

11 Berikut ialah keratan cek Pasarmini Zara.

Tarikh :	8 Mac 2010	
Penerima:	Pasarmini Zara	
Kerana:	<i>Kegunaan Perniagaan</i>	
	<i>Ringgit</i>	<i>Sen</i>
Baki Akhir	120 900	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	120 900	00
Cek ini	300	00
Baki	120 600	00
BMB 116783		

Manakah catatan yang **betul** untuk merekod dokumen ini?

**A** **Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
					Mac 8	Ambilan			300

**B** **Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
Mac 8	Ambilan			300					

**C** **Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
Mac 8	Bank		300		Mac 8	Tunai			300

**D** **Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
Mac 8	Tunai			300	Mac 8	Bank		300	

- 12 Berikut adalah urus niaga yang dipetik dari Kedai Azman

Menerima cek bernilai RM4 500 daripada Leela kerana menjelaskan hutangnya sebanyak RM4 750.

Manakah catatan yang betul untuk merekod urus niaga ini?

**A**

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
					Mac 1	Leela	250		4 500

**B**

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
Mac 1	Leela	250		4 500					

**C**

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
Mac 1	Leela	250		4750					

**D**

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
					Mac 1	Leela	250		4750

- 13 Maklumat berikut diambil dari buku Perniagaan Sam.

Pada 6 Januari 2010, peniaga membeli barang niaga dengan harga RM8 000. Syarat diskaun niaga dan diskaun tunai adalah seperti berikut:

Diskaun niaga 20%  
 Diskaun tunai 10% 10 hari ; 5% 15 hari

Berapakah jumlah yang perlu dibayar jika hutang dijelaskan pada 14 Februari 2010?

- A RM4 800
- B RM5 760
- C RM6 400
- D RM6 080

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 14 Berikut adalah maklumat daripada buku tunai runcit Kedai Aiza pada 31 Oktober 2009.

Wang panjar runcit bulanan ialah RM200. Jumlah pembayaran sepanjang bulan Oktober adalah RM190.

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada ketua juruwang?

- A RM190
  - B RM200
  - C RM210
  - D RM390
- 15 Manakah antara berikut merupakan lejar subsidiari?
- I Lejar Am
  - II Lejar Khas
  - III Lejar Jualan
  - IV Lejar Belian
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 16 Fahmi, pemilik Kedai Perabot Fahmin mengeluarkan sebuah meja dari stok bernilai RM260 untuk kegunaan pejabat.

Apakah catatan lejar untuk urus niaga tersebut?

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
A	Akaun Ambilan	Akaun Perabot
B	Akaun Ambilan	Akaun Belian
C	Akaun Belian	Akaun Perabot
D	Akaun Perabot	Akaun Belian

17 Manakah **benar** tentang peraturan merekod urus niaga ke dalam lejar?

- A Liabiliti didebitkan apabila bertambah
- B Modal didebitkan apabila bertambah
- C Aset dikreditkan apabila bertambah
- D Aset didebitkan apabila bertambah

18 Manakah catatan berikut menunjukkan catatan kontra dalam Akaun Kawalan?

	Akaun Kawalan Penghutang	Akaun Kawalan Pemiutang
A	Kredit	Debit
B	Kredit	Kredit
C	Debit	Debit
D	Debit	Kredit

19 Data di bawah diperoleh daripada buku akaun Perniagaan Al Amin pada 31 Januari 2010.

	RM
Modal	10 200
Belian	6 200
Jualan	9 200
Lengkapan	4 500
Sewa dibayar	3 000
Bank	5 700

Berapakah nilai Imbangan Duga Perniagaan Al Amin?

- A RM12 200
- B RM16 400
- C RM19 400
- D RM25 600

- 20 Manakah pernyataan yang **benar** mengenai Imbangan Duga?
- A Imbangan Duga hanya boleh disediakan pada akhir setiap tempoh perakaunan
  - B Ketepatan catatan dalam akaun boleh disemak sepenuhnya menggunakan Imbangan Duga
  - C Jumlah debit dan kredit yang seimbang tidak semestinya menunjukkan semua catatan dalam lejar dibuat dengan betul
  - D Imbangan Duga ialah sebahagian daripada akaun yang akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan , Akaun Untung Rugi dan Kunci Kira-kira.
- 21 Pulangan jualan RM360 oleh Hafidz tersilap catat sebagai RM306 dalam kedua-dua akaun.

Bagaimanakah kesisilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

	Butir	Debit(RM)	Kredit(RM)
A	Pulangan jualan Hafidz	360	360
B	Pulangan jualan Hafidz	54	54
C	Hafidz Pulangan jualan	360	360
D	Hafidz Pulangan jualan	54	54

- 22 Manakah antara berikut menunjukkan kesisilapan ketara ?
- A Belian alat tulis RM80 telah direkodkan ke Akaun Alatan Pejabat.
  - B Penerimaan diskaun RM200 tidak direkodkan dalam mana-mana buku.
  - C Bayaran insurans RM170 telah didebitkan ke Buku Tunai dan dikreditkan ke Akaun Insurans.
  - D Bayaran sewa RM320 telah direkodkan dengan betul dalam Buku Tunai tetapi direkodkan RM230 dalam Akaun Sewa.

- 23 Berikut adalah petikan Imbangan Duga Perniagaan Sinaran Selatan pada 30 Jun 2010.

Butir	Debit RM	Kredit RM
Kenderaan	60 000	
Peruntukan susut nilai kenderaan		3 000

Perniagaan Sinaran Selatan telah memperuntukkan susut nilai kenderaan dengan kadar 20% setahun atas kos.

Berapakah jumlah belanja susut nilai kenderaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2010?

- A RM11 400  
 B RM12 000  
 C RM12 600  
 D RM15 000
- 24 Urus niaga berikut diperolehi daripada buku Kedai Sukan Gemilang

Pada 1 Ogos 2009, pemilik membayar insurans RM5 760 untuk setahun. Tempoh perakaunannya berakhir pada 31 Disember 2009.

Manakah catatan akaun yang betul?

**A**

Akaun Insurans					
		RM			RM
Dis 31	Bank	5 760	Dis 31	Untung rugi	2 400
				Baki h/b	3 360
		<u>5 760</u>			<u>5 760</u>

**B**

Akaun Insurans					
		RM			RM
Dis 31	Untung rugi	2 400	Dis 31	Bank	5 760
	Baki h/b	3 360			
		<u>5 760</u>			<u>5 760</u>

**C**

Akaun Insurans					
		RM			RM
Dis 31	Bank	5 760	Dis 31	Untung rugi	5 760

**D**

Akaun Insurans					
		RM			RM
Dis 31	Untung rugi	5 760	Dis 31	Bank	5 760

25 Data berikut diperoleh daripada Kedai Calvin pada 30 Jun 2010.

	RM
Stok pada 1 Julai 2009	10 250
Stok pada 30 Jun 2010	9 870
Jualan	45 120
Angkutan keluar	260
Belian	35 170
Pulangan belian	540

Berapakah kos barang untuk dijual?

- A RM35 010
- B RM35 270
- C RM44 880
- D RM45 420

26 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Mariamah pada 30 Jun 2010.

	RM
Tunai	1 200
Alatan pejabat	600
Pemiutang	800
Sewa dibayar terdahulu	200
Penghutang	500
Komisen diterima	700

Berapakah jumlah modal kerja?

- A RM1 100
- B RM1 900
- C RM2 300
- D RM2 400

27 Berikut adalah Lembaran kerja Perniagaan Ilham bagi tahun berakhir 30 Jun 2010

**Perniagaan Ilham**  
**Lembaran Kerja bagi tahun berakhir 30 Jun 2010**

	Imbangan Duga		Pelarasan		Imbangan Duga Terselaras		Akaun Perdagangan dan Untung Rugi		Kunci Kira-kira	
	Dt	Kt	Dt	Kt	Dt	Kt	Dt	Kt	Dt	Kt
Belian	6500			X	6100		6100			

Berdasarkan maklumat di atas, X ialah

- A Belian barang berkurang caj RM400
  - B Duti atas belian RM400 terlupa rekod
  - C Ambilan barang RM400 terlupa direkodkan
  - D Pulangan barang RM400 terlupa direkodkan
- 28 Penyata bank Syarikat Umi menunjukkan baki kredit RM21 500. Baki ini berbeza dengan Buku Tunai disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- ❖ Cek-cek berjumlah RM2 800 masih belum dikreditkan oleh pihak bank
- ❖ Dividen atas pelaburan RM380 belum direkodkan dalam Buku Tunai

Berapakah baki Buku Tunai?

- A RM18 320
- B RM23 920
- C RM24 050
- D RM24 680

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

29 Jadual berikut menunjukkan anggaran jualan Perniagaan Arif.

Bulan	Anggaran Jualan
Januari	RM20 000
Februari	RM22 000
Mac	RM18 000

Jualan adalah 70% secara tunai dan 30% secara kredit . Tempoh kredit ialah satu bulan.

Berapakah anggaran tunai yang akan diterima pada bulan Februari?

- A RM18 320
  - B RM21 400
  - C RM22 000
  - D RM28 000
- 30 Urus niaga manakah direkodkan dalam Akaun Realisasi ?
- A Memberi diskaun kepada penghutang
  - B Menjelaskan belanja pembubaran
  - C Membayar faedah atas pinjaman
  - D Pembayaran kepada pemiutang

- 31 Hata dan Qila ialah pekongsi dalam firma Perunding HATILA yang membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah 2:3

Penyata Pengasingan Untung Rugi firma perunding HATILA bagi tahun berakhir 31 Julai 2010 adalah seperti berikut:

**Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2010**

	RM
Untung Bersih	45 600
<u>Tolak Faedah atas Modal</u>	
Hata	3 200
Qila	4 800
 Gaji pekongsi : Qila	 12 000
	<hr/> 25 600
 <u>Kongsi Untung</u>	
Hata	X
Qila	Y
	<hr/> 25 600

Berapakah kongsi untung yang diterima oleh Qila?

- A RM10 240  
 B RM15 360  
 C RM18 240  
 D RM27 360
- 32 Apakah dimaksudkan dengan modal nominal bagi sesebuah syarikat berhad ?
- A Modal yang belum dikeluarkan untuk dijual kepada orang ramai  
 B Modal yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia  
 C Modal yang dikeluarkan untuk dijual kepada orang ramai  
 D Modal sebenar yang dibayar oleh pemegang saham
- 33 Manakah antara berikut merupakan pendapatan modal Kelab Remaja Kluang?
- A Yuran ahli  
 B Jualan minuman  
 C Sewa gelanggang kelab  
 D Derma untuk pembinaan bangunan kelab

[Lihat halaman sebelah  
 SULIT

34 Berikut ialah Akaun Yuran Kelab Kampung Gombak.

Akaun Yuran			
2009	RM	2009	RM
Jan. 1 Baki b/b	100	Dis. 31 Bank	3500
Dis.31 Pendapatan dan Perbelanjaan	3550	Baki h/b	150
	3650		3650

Berapakah yuran tahunan?

- A RM3 450
- B RM3 500
- C RM3 550
- D RM3 650

35 Apakah punca yang menyebabkan rekod perniagaan dianggap tidak lengkap?

I	Kemusnahan buku-buku akaun perniagaan
II	Sumber rujukan hanya melalui buku tunai sahaja
III	Merekod urus niaga mengikut sistem catatan bergu
IV	Kesilapan catatan bergu semasa penyediaan akaun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Ahmad CB.

Tarikh	Aset RM	Liabiliti RM
1 Januari 2009	85 000	25 000
31 Disember 2009	100 000	35 000

Berapakah untung atau rugi perniagaan tersebut?

- A Untung RM5 000
- B Rugi RM5 000
- C Untung RM25 000
- D Rugi RM25 000

37 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan sebuah kilang.

	RM
Belian bahan mentah	50 000
Kos buruh langsung	10 000
Kos buruh tak langsung	4 000
Sewa kilang	2 000
Stok akhir bahan mentah	8 000


Berapakah kos prima kilang?

- A RM42 000
- B RM46 000
- C RM52 000
- D RM58 000


38. Manakah antara berikut menggambarkan graf titik pulang modal?

[ JH = Jumlah Hasil, JK = Jumlah Kos ]


A




C



B



D



[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 39 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Butik Cantik dan Kedai Butik Moden yang menjual pakaian.

	Kedai Butik Moden	Kedai Butik Cantik
Kadar pusing ganti stok	7 kali	4 kali

Manakah yang benar tentang pengurusan stok kedua-dua butik tersebut?

I	Jualan stok Kedai Butik Moden lebih laris berbanding Kedai Butik Cantik.
II	Pengurusan stok Kedai Butik Moden lebih cekap berbanding Kedai Butik Cantik.
III	Kedai Butik Moden menanggung kos menyimpan stok yang lebih tinggi daripada Kedai Butik Cantik.
IV	Kedai Butik Moden menukar stok setiap 7 bulan sekali, manakala Kedai Butik Cantik menukar stok setiap 4 bulan sekali

- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV
- 40 Manakah merupakan persamaan sistem perakaunan secara manual dan sistem perakaunan berkomputer?
- A Prinsip perakaunan yang digunakan  
 B Kelajuan dalam memproses data perakaunan  
 C Laporan dapat dikeluarkan tepat pada masanya  
 D Pindah catat secara automatik ke akaun-akaun lejar

### KERTAS SOALAN TAMAT



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

---

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan satu soalan di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Bersama-sama dengan kertas soalan ini, tiap-tiap calon akan diberi alat tulis perakaunan berikut:*

*Buku Tunai Tiga Ruangan                      2 helai*

*Jurnal    2 helai*

*Lejar    5 helai*

5. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
6. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
7. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 19 halaman bercetak

**BAHAGIAN A**

[68 markah]

*Jawab semua soalan.*

1. En. Ameer ialah pemilik perniagaan Air Permata Enterprise yang menjalankan perniagaan alat penapis air. Pada 1 Ogos 2010, baki-baki dalam buku perniagaannya adalah seperti berikut:

	<b>RM</b>
Stok	58 600
Tunai di tangan	1 250
Overdraf bank	1 350
Pemiutang – Syarikat Tulin Sdn. Bhd.	5 800
Modal	52 700

Beliau telah dibantu oleh seorang pekerja bernama En. Sulaiman.

Urus niaga yang berlaku dalam bulan Ogos 2010, ditunjukkan oleh dokumen perniagaan seperti dalam **Lampiran A**.

- a) Catatkan urus niaga tersebut dalam buku-buku catatan pertama  
(Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai **tidak** diterima).  
[10 markah]
- b) Pindahkan catatan daripada buku-buku catatan pertama ke lejar.  
[10½ markah]
- c) Imbangkan akaun-akaun dan sediakan Imbangan Duga pada 31 Ogos 2010.  
[7½ markah]

2. Ai Ling dan Dave ialah pemilik Perkongsian Kedai Runcit AIDA yang menjalankan perniagaan di Hentian Mahkota, Batu Pahat, Johor. Ikatan perjanjian perkongsian seperti berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal.
- (ii) Faedah atas modal tetap dibayar 5% setahun.
- (iii) Faedah atas pengambilan dikenakan 5% setahun
- (iv) Gaji Dave setahun ialah RM6 000.
- (v) Pinjaman daripada perkongsian dibayar faedah 8% setahun.

Baki-baki berikut diperolehi daripada rekod perakaunannya pada 30 Jun 2010.

	DEBIT	KREDIT
	RM	RM
Modal pada 1 Julai 2009		
Ai Ling		20 000
Dave		10 000
Akaun semasa:		
Ai Ling		500
Dave	1 043	
Lengkapan	25 000	
Bank	10 900	
Penghutang	4 502	
Belian dan jualan	45 600	69 550
Pulangan	348	
Gaji pekerja	5 557	
Gaji Dave	5 600	
Stok pada 1 Julai 2009	14 200	
Sewa		700
Pinjaman Ai Ling pada 1 Januari 2010		12 000
	112 750	112 750

**Maklumat tambahan:**

- (i) Stok pada 30 Jun 2010 bernilai RM15 800.
- (ii) Gaji pekerja terakru RM520.
- (iii) Lengkapan disusutnilai 10% setahun atas kos.
- (iv) Pada 1 Oktober 2010, Dave telah mengambil barang niaga RM1 200. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan Perkongsian Kedai Runcit AIDA bagi tahun berakhir 30 Jun 2010. [13 markah]
- (b) Kunci Kira-Kira pada 30 Jun 2010 (Menggunakan kaedah modal tetap). [7 markah]

3. Maklumat berikut diambil daripada buku-buku Kedai Rahimah bagi bulan Mac 2010:

	1 Mac 2010		31 Mac 2010	
	Debit(RM)	Kredit(RM)	Debit(RM)	Kredit(RM)
Baki Lejar Belian	260	11 050	380	-
Baki Lejar Jualan	15 360	410	-	285

#### Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun Diberi	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun diterima	Bank
2010				2010			
Mac 1	Baki b/b		9 500	Mac 4	Belian		4 056
5	Basri Enterprise	175	2 300	10	Basri Enterprise		2 300
7	Usaha Tommy	75	1 000	12	Gama Berhad	130	5 370
11	Stor Glory	82	1 538	15	Belian		2 150
19	Jualan		3 550	22	Pemborong Vista	115	1 735
28	Kedai Amalina	140	2 760	31	Baki h/b		5 037
		472	20 648			245	20 648

#### Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2010		
Mac 3	Basri Enterprise	4 025
5	Usaha Tommy	1 450
11	Kedai Amalina	2 760
16	Stor Glory	1 550
31	Akaun Jualan	9 785

**Jurnal Pulangan Jualan**

Tarikh	Butir	Jumlah
2010		
Mac 8	Basri Enterprise	158
15	Kedai Amalina	168
21	Usaha Tommy	285
31	Akaun Pulangan Jualan	<b>611</b>

**Jurnal Belian**

Tarikh	Butir	Jumlah
2010		
Mac 2	Gama Berhad	5 190
8	Kedai Soon Hup	2 620
12	Pemborong Maju Jaya	3 050
31	Akaun Belian	<b>10 860</b>

**Maklumat tambahan :**

- (i) Hutang lapuk dihapuskan sebanyak RM450
- (ii) Pindahan baki lejar jualan ke lejar belian sebanyak RM370
- (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan sebanyak 2% atas penghutang.
- (iv) Cek daripada Basri Enterprise bertarikh 5 Mac 2010 dipulangkan oleh bank dengan catatan "rujuk penyuruhbayar"

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Kawalan Lejar Jualan [5 markah]
- (b) Akaun Kawalan Lejar Belian [3 markah]
- (c) Mengapakah Akaun Kawalan Lejar Jualan mempunyai baki kredit?  
Berikan **dua** sebab [2 markah]

4. En Sharmin seorang usahawan ternakan ikan air tawar, meminta bantuan anda untuk menyediakan anggaran belanjawan tunai untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Disember 2010. Baki tunai pada 1 Oktober 2010 berjumlah RM5 400.

Berikut ialah anggaran penerimaan dan pembayaran tunai perniagaannya:

- (i) Jualan ikan setiap bulan RM6 500. 30% daripadanya adalah jualan kredit dengan tempoh kredit satu bulan.
- (ii) Pada 3 Oktober 2010, En. Sharmin membina lima kolam ikan tambahan dengan berkos RM2 500.
- (iii) Anak ikan bernilai RM1 500 dibeli pada bulan Oktober 2010.
- (iv) Pinjaman bank sebanyak RM5 000 akan diperoleh pada bulan November 2010. Bayaran balik pinjaman RM500 akan dijelaskan pada bulan berikutnya.
- (v) Ada tiga orang pekerja dengan gaji bulanan RM600 setiap orang. Pada bulan Disember seorang pekerja akan diambil dengan gaji yang sama.
- (vi) Pelbagai belanja bulanan RM240.

**Anda dikehendaki menyediakan penyata belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2010.**

[10 markah]

**BAHAGIAN B**

[12 markah]

*Jawab satu soalan sahaja.*

5. Kelab Futsal Taman Sri Angkasa telah ditubuhkan di Bandar Kluang, Johor.

Berikut adalah maklumat perakaunan kelab tersebut bagi tahun berakhir 30 Jun 2010:

<b>Kelab Futsal Taman Sri Angkasa</b>			
<b>Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2010</b>			
	RM		RM
Baki b/b	2 640	Alat tulis	950
Yuran ahli	10 200	Akhbar dan majalah	1 500
Yuran masuk	640	Alatan sukan	3 840
Yuran pertandingan	2 060	Kadar bayaran	860
Sewa gelanggang	500	Hadiah pertandingan	1 250
Derma	10 000	Elaun jurulatih	2 400
		Jamuan dan minuman	1 650
		Penyelenggaraan gelanggang	2 300
		Baki h/b	11 290
	<b>26 040</b>		<b>26 040</b>

**Maklumat tambahan:**

- (i) Aset dan liabiliti kelab adalah seperti berikut:

	1 Julai 2009	30 Jun 2010
	RM	RM
Stok alat tulis	120	80
Alatan sukan (kos)	6 260	8 080
Perabot	8 000	8 000
Yuran ahli tertunggak	-	1 000
Yuran ahli terdahulu	-	375
Kadar bayaran terakru	-	225

- (i) Yuran masuk dianggap sebagai penerimaan hasil.  
 (ii) Derma yang diterima adalah untuk membina gelanggang futsal baru.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran Ahli [ 2 markah ]  
 (b) Akaun Alat tulis [ 2 markah ]  
 (c) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2010 [ 8 markah ]

6. Maklumat berikut diperoleh daripada buku akaun Kilang Kerepek Sontorian.

	RM	RM
Baki-baki pada 1 Jan 2009 :		
Barang siap		15 230
Bahan Mentah		18 800
Kerja dalam proses:		
Bahan Mentah	22 300	
Buruh Kilang	5 680	
Overhed Kilang	3 440	
Belian bahan mentah		35 650
Jualan		62 100
Angkutan bahan mentah		1 350
Pulangan belian		550
Pulangan jualan		850
Upah buruh kilang		12 500
Kadar bayaran		2 400
Sewa kilang		3 600
Insuran		900
Kenderaan		25 000
Mesin (kos)		8 000
Peruntukan susut nilai mesin		1 200
Gaji tak langsung		5 400
Gaji pejabat		3 500
Baki-baki pada 31 Dis 2009:		
Barang siap		11 400
Bahan Mentah		15 380
Kerja dalam proses:		
Bahan mentah	16 820	
Buruh kilang	5 480	
Overhed kilang	4 220	

**Maklumat tambahan:**

- (i) Kadar bayaran dan insurans dibahagi antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 2:1.
- (ii) Mesin disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) RM300 daripada sewa kilang masih belum dibayar.

**Anda dikehendaki menyediakan** Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir

31 Disember 2009.

[12 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

LAMPIRAN A

---

DOKUMEN PERNIAGAAN

---

ASAL		<b>SYARIKAT TULIN SDN. BHD</b> 184, Jalan Imbi 84000 Muar, Johor			NO: 0560
<b>INVOIS</b>					
Kepada: AIR PERMATA ENTERPRISE 32B, Jalan Parit Bengkok 83000 Batu Pahat, Johor				Tarikh: 2 Ogos 2010	
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT(RM)	JUMLAH (RM)	
1.	Penapis Air Model SM601A	20	400.00	8 000.00	
2.	Penapis Air Model KK432A	15	300.00	4 500.00	
3.	Penapis Air Model JM345R	12	180.00	2 160.00	
				14 660.00	
Tolak: Diskaun niaga 20 %				2 932.00	
<b>JUMLAH</b>				<b>11 728.00</b>	
(Ringgit Malaysia: Sebelas ribu tujuh ratus dua puluh lapan sahaja)					
Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari Serahan: Angkutan dibayar K.& K. Di K.					
<i>Ameer</i>			<i>Haziq</i>		
..... T.T.Penerima			..... T.T.Pengurus		

**DOKUMEN 1**

SALINAN		NO: 1188		
<b>AIR PERMATA ENTERPRISE</b> 32B, Jalan Parit Bengkok 83000 Batu Pahat, Johor				
<b>BIL TUNAI</b>				
Kepada PERNIAGAAN LEONG LEE Jalan Sempadan 84000 Muar, Johor			Tarikh: 3 Ogos 2010	
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Penapis Air Model SM601A	5	460.00	2 300.00
2.	Penapis Air Model JM345R	5	300.00	1 500.00
<b>JUMLAH</b>				3 800.00
(Ringgit Malaysia: Tiga ribu lapan ratus sahaja) Tunai/ No.Cek : BTB 0134568				
<i>T. T. Pengurus</i> ..... T.T. Pengurus				

**DOKUMEN 2**

<b>AIR PERMATA ENTERPRISE</b> 32B, Jalan Parit Bengkok 83000 Batu Pahat Johor	
<b>MEMO</b>	
Tarikh: 8 Ogos 2010	
Kepada : Kerani Akaun Daripada : Pengurus	
Rekodkan pinjaman bank diterima RM10 000 dan wang itu dibankkan ke dalam akaun bank perniagaan.	
<i>T. T. Pengurus</i> ..... T.T. Pengurus	

**DOKUMEN 3**

ASAL	NO: R 1850
<b>SYARIKAT TULIN SDN. BHD</b> 184, Jalan Imbi 84000 Muar Johor	
<b>RESIT RASMI</b>	
Tarikh: 10 Ogos 2010	
Diterima daripada	: Air Permata Enterprise
Ringgit Malaysia	: Lima Ribu Tujuh Ratus Sahaja
Bayaran untuk	: Menjelaskan invoice No. 0560 (Diskaun tunai RM300)
RM 5 700.00	
Tunai/ No.Cek : BBB 100879	
	<i>Haziq</i> T.T.Pengurus

**DOKUMEN 4**

ASAL		NO: 0032		
<b>SYARIKAT TULIN SDN. BHD</b> 184, Jalan Imbi 84000 Muar Johor				
<b>NOTA DEBIT</b>				
Kepada:			Tarikh: 14 Ogos 2010	
AIR PERMATA ENTERPRISE				
32B, Jalan Parit Bengkok				
83000 Batu Pahat				
Johor				
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT(RM)	JUMLAH (RM)
1.	Penapis Air Model JM345R terkurang nilai	12	20.00	240.00
Tolak: Diskaun niaga 20 %				48.00
<b>JUMLAH</b>				192.00
(Ringgit Malaysia: Satu Ratu Sembilan Puluh Dua sahaja)				
<i>Ameer</i>			<i>Haziq</i>	
.....			.....	
.T.T.Penerima			T.T.Pengurus	

**DOKUMEN 5**

SALINAN				NO: 1830
<b>AIR PERMATA ENTERPRISE</b> 32B, Jalan Parit Bengkok 83000 Batu Pahat Johor				
<b>INVOIS</b>				
				Tarikh: 17 Ogos 2010
Kepada: Kedai Mini Jamal Jalan Tenggara 80000 Johor Bahru Johor				
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Penapis Air Model JM345R	10	350.00	3 500.00
2.	Penapis Air Model KK432A	8	380.00	3 040.00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				6 540.00 654.00
<b>JUMLAH</b>				<b>8 586.00</b>
(Ringgit Malaysia: Lapan ribu lima ratus lapan puluh enam sahaja)  Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari Serahan: Angkutan dibayar K & K di K				
<i>Jamal</i>			<i>Ameer</i>	
..... T.T.Penerima			..... T.T.Pengurus	

## DOKUMEN 6

SALINAN

NO: 2431

**AIR PERMATA ENTERPRISE**

32B, Jalan Parit Bengkok  
83000 Batu Pahat  
Johor

**INVOIS**

Tarikh: 18 Ogos 2010

Kepada:  
Kedai Chong Lee  
Jalan Cahaya  
25000 Kuantan  
Pahang

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Penapis Air Model JM345R	5	380.00	1 750.00
2.	Penapis Air Model SM601A	5	480.00	2 400.00
				4 150.00
Tolak: Diskaun niaga 10 %				415.00
<b>JUMLAH</b>				<b>3 735.00</b>

(Ringgit Malaysia: Tiga ribu tujuh ratus tiga puluh lima sahaja)

Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari  
Serahan: Angkutan dibayar  
K & K di K


*Chong*

.....  
T.T.Penerima


*Zmeer*

.....  
T.T.Pengurus

**DOKUMEN 7**

SALINAN		No: NK130		
<b>AIR PERMATA ENTERPRISE</b> 32B, Jalan Parit Bengkok 83000 Batu Pahat Johor				
<b>NOTA KREDIT</b>				
Kepada Kedai Mini Jamal Jalan Tenggara 80000 Johor Bahru Johor			Tarikh: 26 Ogos 2010	
Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:				
BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Penapis Air Model JM345R Tolak: Diskaun niaga 10% (Pulangan Penapis Air Model JM345R kerana rosak)	1	350.00	350.00 35.00
<b>JUMLAH</b>				315.00
(Ringgit Malaysia: Tiga ratus lima belas sahaja)				
 ..... T.T. Pengurus				

**DOKUMEN 8**

SALINAN	NO: 1990
<b>AIR PERMATA ENTERPRISE</b> 32B, Jalan Parit Bengkok 83000 Batu Pahat Johor	
<b>RESIT RASMI</b>	
Tarikh: 27 Ogos 2010	
Diterima daripada	: Kedai Chong Lee
Ringgit Malaysia	: Tiga ribu tujuh ratus tiga puluh lima sahaja
Bayaran untuk	: Menjelaskan invoice no. 2431
RM 3 735.00	
Tunai/ No.Cek : BSB 114116	
 T.T.Pengurus	

**DOKUMEN 9**

Tarikh:	28 Ogos 2010	
Penerima:	En. Sulaiman	
Kerana:	Gaji bulan Ogos	
	<b>RINGGIT</b>	<b>SEN</b>
Baki akhir	10 473	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	10 473	00
Cek ini	750	00
Baki	9 723	00
NO: 100880		

**KERATAN CEK****DOKUMEN 10**

<b>AIR PERMATA ENTERPRISE</b> 32B, Jalan Parit Bengkok 83000 Batu Pahat Johor			No: B 0197
<b>BAUCER PEMBAYARAN</b>			Tarikh: 29 Ogos 2010
Kepada: Syarikat Samy Sdn. Bhd.			
BIL	KETERANGAN	JUMLAH (RM)	T.T.PENERIMA
1.	Bayar harga belian alat tulis	145.00	Samy
(Ringgit Malaysia: Satut ratus empat puluh lima sahaja)			
Tunai/No.Cek:			Diluluskan oleh: <i>Ameer</i> ..... Pengurus

**DOKUMEN 11**

<b>AIR PERMATA ENTERPRISE</b> 32B, Jalan Parit Bengkok 83000 Batu Pahat Johor		Tarikh: 30 Ogos 2010
<b>MEMO</b>		
Kepada : Kerani Akaun		
Daripada : Pengurus		
Pemilik mengambil 1 unit Penapis Air Model JM345R RM180 untuk kegunaan sendiri.		
		<i>Ameer</i> ..... 2010T.T. Pengurus

**DOKUMEN 12**

## Skema jawapan kertas 1

1	D
2	C
3	B
4	D
5	A
6	D
7	A
8	B
9	D
10	D

11	C
12	B
13	C
14	A
15	D
16	D
17	D
18	A
19	C
20	C

21	B
22	D
23	B
24	A
25	C
26	A
27	C
28	B
29	B
30	B

31	B
32	B
33	D
34	C
35	A
36	A
37	C
38	C
39	A
40	A

### Soalan 1

(a)

#### Buku Tunai

Tarikh	Butir	Dis RM	Tunai RM	Bank RM	Tarikh	Butir	Dis RM	Tunai RM	Bank RM
Ogos 1	Baki b/b		1250 ½		Ogos 1	Baki b/b			1350 ½
3	Jualan			3 800 ½	10	Syarikat Tulin Sdn Bhd	300 ½		5700 ½
8	Pinjaman			10 000 ½	28	Gaji			750 ½
27	Kedai Chong Lee			3 735 ½	29	Alat tulis		145 ½	
					31	Baki h/b		1105	9 735
			1250	17 535			300	1250	17 535

(4½ Markah)

#### JURNAL AM

Tarikh	Butir	Fol	Debit (RM)	Kredit (RM)
2008 Ogos 1	Stok Tunai		58 600	
	Bank		1250	
	Syarikat Tulin Sdn Bhd			1350
	Modal			5 800
	(Merekodkan aset, liabiliti dan ekuiti pemilik pada tarikh ini)			52 700
30	Ambilan Belian		180 ½	
	(Mengambil barang niaga untuk kegunaan rumah) ½			180 ½

#### JURNAL BELIAN

Tarikh	Butir	Fol	Invois	Jumlah (RM)
Ogos 2	Syarikat Tulin Sdn Bhd			11 728 ½
14	Syarikat Tulin Sdn Bhd			192 ½
31	Akaun Belian	(dt)		11 920 ½

#### JURNAL JUALAN

Tarikh	Butir	Fol	Invois	Jumlah (RM)
Ogos 17	Kedai Mini Jamal			8 586 ½
18	Kedai Chong Lee			3 735 ½
31	Akaun Jualan	(kt)		12 321 ½

#### JURNAL PULANGAN JUALAN

Tarikh	Butir	Fol	Invois	Jumlah (RM)
Ogos 26	Kedai Mini Jamal			315 ½
31	Akaun Pulangan Jualan	(dt)		315 ½

(5½ markah)

(b)

A/K Stok							
Ogos 1	Baki	b/b	<b>RM</b> 58 600 ½	Ogos 31	Baki	h/b	<b>RM</b> 58 600
<hr/>				<hr/>			
58 600				58 600			

Syarikat Tulin Sdn. Bhd.							
Ogos 10	Bank		<b>RM</b> 5 700 ½	Ogos 1	Baki	b/b	<b>RM</b> 5 800 ½
	Diskaun/diskaun diterima		300 ½	2	Belian		11 728 ½
	Baki	h/b	11 720	14	Belian		192 ½
<hr/>				<hr/>			
17 720				17 720			

A/K Modal							
Ogos 31	Baki	h/b	<b>RM</b> 52 700	Ogos 1	Baki	b/b	<b>RM</b> 52 700 ½
<hr/>				<hr/>			
52 700				52 700			

A/K Ambilan							
Ogos 31	Belian		<b>RM</b> 180 ½	Ogos 31	Baki	h/b	<b>RM</b> 180
<hr/>				<hr/>			
180				180			

A/K Belian							
Ogos 31	Pelbagai Pemiutang		<b>RM</b> *11 920 ½	Ogos 30	Ambilan		<b>RM</b> 180 ½
			11 920	31	Baki	h/b	11 740
<hr/>				<hr/>			
11 920				11 920			

Kedai Mini Jamal							
Ogos 17	Jualan		<b>RM</b> 8586 ½	Ogos 26	Pulangan Jualan		<b>RM</b> 315 ½
			8586	31	Baki	h/b	8 271
<hr/>				<hr/>			
8586				8586			

Kedai Chong Lee							
Ogos 18	Jualan		<b>RM</b> 3 735 ½	Ogos 29	Bank		<b>RM</b> 3 735 ½
<hr/>				<hr/>			
3 735				3 735			

A/K Jualan							
Ogos 31	Baki	h/b	<b>RM</b> 16 121	Ogos 3	Bank		<b>RM</b> 3 800 ½
			16 121		Pelbagai Penghutang		*12 321 ½
<hr/>				<hr/>			
16 121				16 121			

A/K Pulangan Jualan							
Ogos 31	Pel. Penghutang/Penghutang		<b>RM</b> 315 ½	Ogos 31	Baki	h/b	<b>RM</b> 315
<hr/>				<hr/>			
315				315			

## A/K Pinjaman

Ogos 31	Baki	h/b	RM 10 000 <u>10 000</u>	Ogos 31	Bank	RM 10 000½ <u>10 000</u>
---------	------	-----	-------------------------------	---------	------	--------------------------------

## A/K Gaji

Ogos 28	Bank		RM 750 ½ <u>750</u>	Ogos 31	Baki	h/b	RM 750 <u>750</u>
---------	------	--	---------------------------	---------	------	-----	-------------------------

## A/K Alat tulis

Ogos 29	Tunai		RM 145 ½ <u>145</u>	Ogos 31	Baki	h/b	RM 145 <u>145</u>
---------	-------	--	---------------------------	---------	------	-----	-------------------------

## A/K Diskaun/Diskaun Diterima

Ogos 31	Baki	h/b	RM 300 <u>300</u>	Ogos 31	Pelbagai Pemiutang/Pemiutang	RM 300½ <u>300</u>
---------	------	-----	-------------------------	---------	---------------------------------	--------------------------

(10½ markah)

(c)

Air Permata Enterprise  
Imbangan Duga pada 31 Ogos 2008 ½

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai	1 105* (½)	
Bank	*9735 (½)	
Stok	58 600 (½)	
Pemiutang : Syarikat Tulin Sdn Bhd		*11 720 (½)
Modal		52 700 (½)
Ambilan	180 (½)	
Belian	*11 740 (½)	
Penghutang : Kedai Mini Jamal	*8 271 (½)	
Jualan		*16 121 (½)
Pinjaman		10 000 (½)
Gaji	750 (½)	
Alat tulis	145 (½)	
Diskaun		300(½)
Pulangan Jualan/Masuk	315(½)	
	90 841	90 841

(7½ markah)

- \*Angka sendiri angka yang boleh dirujuk.
- Tarikh, butir dan amaun mesti betul untuk dapat markah (Buku Catatan Pertama Sahaja)
- Tidak terima jawapan yang berulang dalam buku catatan pertama kecuali catatan pembukaan
- Jurnal khas mesti ada tajuk, tidak terima jawapan jurnal khas yang menyerupai Jurnal Am
- Tidak terima dua jawapan, jika calon buat, terima dan tanda yang mula-mula sahaja
- Jurnal Am mesti mengikut format Jurnal Am
- Tidak terima Jurnal Khas dalam bentuk Jurnal Am
- Ketepikan tarikh untuk (b)

[28 markah]

## Soalan 2

### Kedai Runcit AIDA

Penyata Pendapatan Perkongsian bagi tahun berakhir 30 Jun 2010

Jualan		69 550	
Tolak: Pulangan Jualan		348	
Jualan bersih		69 202	1OF
Tolak: Pulangan Jualan			
Tolak: Kos Jualan			
Stok 1 Julai 2009	14 200		
Belian (45600 – 1200)	44 400	1	
	58 600		
Tolak: Stok 30 Jun 2010	15 800		
Kos Jualan		42 800	1OF
Untung Kasar		26 402	1OF
Sewa		700	
		27 102	
Tolak: Belanja			
Faedah atas pinjaman	480	1	
Belanja susutnilai lengkapan	2 500	1	
Gaji pekerja	6 077	1	
		9 057	
Untung bersih		18 045	1OF
Tambah:			
Faedah atas ambilan			
Dave		45	1
		18 090	
Tolak:			
Faedah atas modal			
Ai Ling	1 000	}1	
Dave	500		
Gaji pekongsi:			
Dave	6 000	1	
		7 500	
Kongsi Untung		10 590	
Ai Ling	7 060	}2@1OF	
Dave	3 530		
		10 590	

[13 markah]

**Kedai Runcit AIDA**  
**Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2010**

Aset Bukan Semasa				
Lengkapan	25000			
Tolak: Peruntukan susutnilai	2500			
		22500	1OF	
Aset Semasa				
Stok 30 Jun 2010/Stok Akhir	15800			
Penghutang	4502			
Bank	10900			
	31202	1OF		
Tolak: Liabiliti Semasa				
Gaji pekerja terakru	520	1		
Modal kerja		30682	1OF	
		53182		
Ekuiti Pemilik				
Modal				
Ai Ling		20 000	}1	
Dave		10 000		
Akaun Semasa				
Ai Ling		9 040	}2@	
Dave		2 142		1OF
Liabiliti Bukan Semasa				
Pinjaman Ai Ling		12 000		
		53 182		

[7 markah]

**Akaun Semasa**

	Ai Ling	Dave		Ai Ling	Dave
Baki b/b		1043	Baki b/b	500	-
Ambilan		1 200	Faedah Atas Modal	1 000	500
Faedah Atas Ambilan		45	Gaji	-	400
Baki h/b	9 040	2 142	Faedah Atas Pinjaman	480	-
			Kongsi Untung	7 060	3 530
	9 040	4 430		9 040	4 430
			Baki b/b	9 040	2 142

1OF dibri untuk Akaun Semasa

Nota: Akauan Semasa dirujuk apabila angkanya salah dalam Kunci Kira-kira

Syarat: Baki h/b dan b/b mesti berada di sebelah yang sama

**SOALAN 3**

(a)

**A/K Kawalan Lejar Jualan**

2010 Mac 1	Baki b/b	15360	2010 Mac 1	Baki b/b	410	
2010 Mac 31	Jualan	9785	2010 Mac 31	Pulangan Jualan	611	
	Bank (CTL)	2300		Hutang lapuk	450	
	Dis Diberi	175		Bank	7598	2@10F
	(dibatalkan)			Diskaun diberi	472	
	Baki h/b	285		Kontra	370	
				Baki h/b	17994	1
		<u>27905</u>			<u>27905</u>	
2010 Apr 1	Baki h/b	17994	2010 Apr 1	Baki h/b	285	

(5 markah)

**A/K Kawalan Lejar Belian**

2010 Mac 1	Baki b/b	260	2010 Mac 1	Baki b/b	11050	
2010 Mac 31	Dis diterima	245	2010 Mac 31	Belian	10860	2@10F
	Bank	9405		Baki h/b	380	
	Kontra	370				
	Baki h/b	12010				
		<u>22290</u>			<u>22290</u>	
2010 Apr 1	Baki h/b	380	2010 Apr 1	Baki h/b	12010	

(3 markah)

(b)

- i. Bayaran kepada pemiutang melebihi jumlah hutang kepadanya.
- ii. Memulangkan barang kepada pemiutang setelah menjelaskan hutang kepadanya.
- iii. Menerima diskaun daripada Pemiutang setelah menjelaskan jumlah hutang kepadanya.

(2 markah)

Syarat blok:

Blok kawalan Penghutang – mesti ada 2 baki awal dan mesti betul 3 mana-mana butiran  
 Blok Kawalan Pemiutang – mesti ada 2 baki awal dan mesti betul 2 mana-mana butiran

**SOALAN 4**

**Penyata Belanjawan Tunai Bagi 3 Bulan Berakhir 31 Mac 2009**

Butir	Oktober	November	Disember
	RM	RM	RM
<b>Baki / Baki b/b/ Baki awal</b>	<b>5400</b>	<b>3 910* ½</b>	<b>13 370 *½</b>
<b><u>Penerimaan:</u></b>			
Jualan/Jualan ikan	4 550 ½	4 550 ½	4 550 ½
Kutipan penghutang/penghutang	-	1 950 ½	1 950 ½
Pinjaman	-	5 000 ½	-
	<b>9 950</b>	<b>15 410</b>	<b>14 870</b>
<b><u>Pembayaran:</u></b>			
Kolam ikan baru	2 500 ½	-	-
Anak ikan	1 500 ½	-	-
Upah pekerja	1 800 ½	1 800 ½	2 400 ½
Pelbagai belanja	240 ½	240 ½	240 ½
Ansuran/Bayaran balik pinjaman			500½
	<b>6 040</b>	<b>2 040</b>	<b>3 140</b>
<b>Baki/ Baki h/b/Baki awal</b>	<b>3910 ½</b>	<b>13 370 ½</b>	<b>16 730 ½</b>

[10 markah]

- \*Angka sendiri
- Terima butiran munasabah
- Tiada markah untuk butir salah

**SOALAN 5**

(a)

<b>Akaun Yuran</b>					
	RM		RM		
Pendapatan dan Perbelanjaan	10 825	½	Bank/ Tunai/ Penerimaan dan pembayaran	10 200	½
Baki b/b / Yuran terdahulu	375	½	Baki b/b / Yuran tertunggak	1 000	½
	<u>11 200</u>			<u>11 200</u>	

Jumlah markah = 2

(b)

<b>Akaun Alat tulis</b>					
	RM		RM		
Baki b/b	120	½	Pendapatan dan Perbelanjaan	990	½
Bank/Tunai/Penerimaan dan Pembayaran	950	½	Baki h/b	80	½
	<u>1070</u>			<u>1070</u>	

Jumlah markah = 2

(c)

**Kelab Futsal Taman Sri Angkasa**  
**Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2010**

Pendapatan:	RM		RM	
Yuran ahli			*10 825	½
Yuran masuk			640	½
Yuran pertandingan			2 060	½
Sewa gelanggang			500	½
			<u>13 275</u>	
Tolak Perbelanjaan :				
Alat tulis (950 – 80)	990	½		
Akhbar dan majalah	1 500	½		
Kadar bayaran ( 860 + 225 )	1 085	1		
Hadiah pertandingan	1 250	½		
Elaun jurulatih	2 400	½		
Jamuan dan minuman	1 650	½		
Belanja penyelenggaraan gelanggang	2 300	½		
Susut nilai alatan sukan (6260 + 3840 - 8080)	2 020	1	13 195	1
Lebihan			<u>830</u>	

[ 8 markah]

**SKEMA SOALAN 6**

**Penyata Kos Pengeluaran bagi Tahun berakhir 31Disember 2009**

<u>Kos bahan mentah</u>			
Stok awal		18 800 ½	
Belian	35 650 ½		
(-) Pul. Belian	<u>550 ½</u>		
	35 100		
(+) Angkutan masuk	<u>1 350 ½</u>	<u>36 450</u>	
		55 250	
(-) Stok akhir bahan mentah		<u>15 380 ½</u>	
		39 870	
(+) Kerja dalam proses awal		<u>22 300 ½</u>	
		62 170	
(-) Kerja dalam proses akhir		<u>16 820 ½</u>	45 350
<u>Kos Buruh Langsung</u>			
Upah buruh kilang		12 500 ½	
(+) Kerja dalam proses awal		<u>5 680 ½</u>	
		18 180	
(-) Kerja dalam proses akhir		<u>5 480 ½</u>	12 700
<u>Kos Overhed</u>			
Kadar bayaran		1 600 (1)	
Insurans		600 (1)	
Susutnilai mesin		680 (1)	
Gaji tak langsung		5 400 ½	
Sewa		<u>3 900 (1)</u>	
		12 180	
(+) Kerja dalam proses awal		<u>3 440 ½</u>	
		15 620	
(-) Kerja dalam proses akhir		<u>4 220 ½</u>	<u>11 400</u>
<b>KOS PENGELUARAN</b> ½			<b>69 450 (1)</b>

[12 markah]